

Bil. S 2

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI
(PINDAAN), 2026

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 77
 3. Pindaan bab 107
 4. Pemasukan bab-bab 123A dan 123B baru
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI
(PINDAAN), 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan), 2026.

Pindaan bab 2 dari Penggal 77

2. Bab 2 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejeurus selepas takrifan "fitrah" takrifan baru yang berikut —

" "Tabung Dana" bermakna Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid yang ditubuhkan oleh bab 123A;"

Pindaan bab 107

3. Bab 107 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "dan apa-apa kumpulanwang yang ditubuhkan oleh Akta ini" sejeurus selepas "Wakaf Am" dalam baris kedua;

(b) dengan memasukkan "dan apa-apa kumpulanwang yang ditubuhkan oleh Akta ini" sejeurus selepas "Wakaf Am" dalam baris ketujuh.

Pemasukan bab-bab 123A dan 123B baru

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejeurus selepas bab 123 dua bab baru berikut —

"Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid

123A. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah kumpulanwang yang digelar Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid bagi maksud-maksud Akta ini yang mana hendaklah dibayar ke dalamnya —

(a) apa-apa wang yang disumbangkan secara sukarela kepada Tabung Dana;

(b) apa-apa wang yang diperolehi melalui pelaksanaan apa-apa projek Tabung Dana; dan

(c) tertakluk kepada kebenaran Majlis, apa-apa jumlah wang yang disumbangkan khusus untuk pembinaan masjid di bawah undang-undang bertulis yang lain, kecuali wang yang disumbangkan khusus untuk masjid tertentu.

(2) Semua wang di dalam Tabung Dana hendaklah terletak di tangan Majlis.

(3) Semua wang yang disumbangkan ke dalam tabung bagi pembinaan masjid sebelum kuat kuasa Aturan-Aturan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid, 2026, bersama dengan pendapatan daripadanya, hendaklah menjadi sebahagian daripada Tabung Dana.

(4) Majlis boleh melantik lembaga, jawatankuasa atau urus setia untuk menerima, mengutip, mengurus atau mengawal wang yang disumbangkan khusus untuk pembinaan masjid.

(5) Tiada apa pun di dalam Akta ini yang boleh ditafsirkan sebagai menghalang Majlis dari menerima sumbangan untuk Tabung Dana dari mana-mana orang yang bukan beragama Islam.

Penggunaan Tabung Dana

123B. Wang Tabung Dana hendaklah digunakan untuk —

(a) membina masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam dan kerja-kerja pembinaan lain yang dibenarkan oleh Majlis termasuk bilik penyempurnaan jenazah, bilik perpustakaan, dewan serbaguna, pagar masjid dan tempat letak kereta;

(b) menambah, membaikpulih, memulihara, mengubahsuai atau membina semula mana-mana masjid yang sedia ada atau mana-mana bahagian daripadanya;

(c) jika perlu, pembiayaan takaful bagi mana-mana bangunan masjid; dan

(d) mana-mana keperluan lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.”

12 JANUARI, 2026

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1447 bersamaan dengan 8 haribulan Januari, 2026 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**